

Ranking enam universiti tempatan jatuh

INFO

Kedudukan dalam senarai IPT terbaik dunia

Universiti	2013	2012
UM	167	156
UKM	269	261
USM	355	356
UPM	411-420	360
UIAM	501-550	401
UiTM	701	601

KUALA LUMPUR 10 Sept. - *Ranking* enam universiti tempatan jatuh dalam senarai institusi pengajian tinggi (IPT) terbaik dunia berdasarkan kajian QS World University Rankings 2013/2014.

Dalam kedudukan terkini yang dikeluarkan syarikat penarafan yang berpangkalan di London itu, universiti terulung di Malaysia, Universiti Malaya (UM) menduduki tangga ke-167, jatuh 11 anak tangga berbanding di kedudukan 156, tahun lepas.

Namun begitu, UM masih mengekalkan kedudukan berada dalam kalangan 200 universiti terbaik dunia.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula menduduki tangga ke-269 berbanding 261 pada tahun lepas, Universiti Sains Malaysia (USM) kedudukan ke-355 (356), Universiti Putra Malaysia (UPM) menduduki rangking 411-420 (360), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) ke-501-550 (401) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) di tangga ke-701 (601).

Walau bagaimanapun Universiti Teknologi Malaysia (UTM) naik tiga anak tangga ke kedudukan 355 berbanding 358 sebelum ini.

Menurut Ketua Penyelidikan QS, Ben Sowter, penurunan prestasi uni-

versiti-universiti Malaysia pada tahun ini mencerminkan persaingan di peringkat global yang hebat.

"Bagaimanapun dibandingkan dengan prestasi lima tahun lalu, IPT di Malaysia telah menunjukkan beberapa kemajuan yang ketara.

"Penurunan prestasi universiti-universiti Malaysia adalah kerana masih belum menghasilkan penyelidikan yang boleh dibanggakan, namun mereka telah membangunkan profil yang kukuh dalam kalangan dunia akademik dan melahirkan graduan," katanya.

Berdasarkan kajian itu, Massachusetts Institute of Technology

(MIT), Amerika Syarikat (AS), kekal sebagai universiti terbaik dunia untuk tahun kedua berturut-turut meninggalkan universiti ternama lain seperti Harvard University, AS dan University of Cambridge, United Kingdom (UK), masing-masing di kedudukan kedua dan ketiga.

Tempat keempat pula disandang oleh University College London, UK dan Imperial College London (kelima).

National University of Singapore di tangga ke-24, berjaya mengatasi University of Hong Kong yang hanya berada di kedudukan ke-26, sekali gus merupakan institusi yang cemerlang di Asia.